



KENYATAAN MEDIA KERAJAAN NEGERI PERLIS

PEMBETULAN ARTIKEL YANG DITERBITKAN BERKAITAN ISU KUARANTIN

1. Kerajaan Negeri ingin memaklumkan kenyataan-kenyataan di media sosial seperti yang diterbitkan antaranya daripada **Bernama** dan **Sinar Harian** mengenai arahan yang menyatakan bahawa semua individu yang memasuki Perlis sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) diwajibkan menjalani kuarantin selama 14 hari di pusat kuarantin adalah **tidak tepat**;
2. Peraturan bagi penentuan seseorang itu perlu dikuarantinkan masih tertakluk kepada arahan-arahan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang kemudiannya diselaras dan dilaksanakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri;
3. Dalam hubungan ini, bagi kes-kes individu yang pulang dari luar negara ke Perlis hendaklah melalui saringan kesihatan dan seterusnya melalui proses kuarantin selama 14 hari;
4. Untuk pergerakan antara negeri, individu diminta untuk jalani saringan kesihatan di klinik kesihatan bagi menentukan risiko jangkitan sebelum diputuskan keperluan untuk kuarantin atau tidak;
5. Kerajaan Negeri sentiasa peka kepada sebarang perubahan dasar dan arahan yang dikeluarkan oleh pihak KKM dari semasa ke semasa;
6. Berita yang menyatakan setiap individu yang pulang ke Perlis perlu dikuarantin adalah **tidak tepat**. Ia amat dikesali dan perlu segera diperbetulkan; dan

Semua kenyataan rasmi Kerajaan Negeri Perlis hanya dipaparkan di portal rasmi **Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis** untuk rujukan awam (www.perlis.gov.my).

Sekian, terima kasih.

KERAJAAN NEGERI PERLIS

Kangar

5 Mei 2020